

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG**  
**KAWASAN : TANJONG MALIM**

**SOALAN NO. 107**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan senarai projek-projek bernilai lebih daripada RM100 juta yang bermula pada tahun ini. Apakah kesan pandemik COVID-19 ke atas projek-projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan, terdapat 139 projek bernilai lebih RM100juta di bawah pelaksanaan Jabatan Kerja Raya. Secara amnya, kesemua pelaksanaan projek ini terkesan akibat pandemik Covid-19 yang telah menyebabkan kemajuan fizikal pembinaan agak perlahan berbanding jadual. Namun demikian, lanjutan tempoh masa telah diberikan kepada pihak kontraktor projek yang terlibat dengan mengambil kira arahan pemberhentian operasi di tapak semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pekeliling Perbendaharaan PK 2.4 telah memberi panduan kepada Kementerian/Jabatan kaedah untuk mengeluarkan Lanjutan Masa (Extension of Time EOT) bagi kontrak yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP. Lanjutan daripada itu, Surat Edaran Ketua Pengarah Kerja Raya ruj JKR.KPKR:121.010/05 Jld.19(5) bertarikh 12 Mei 2020 dan JKR.KPKR:121.010/05 Jld.19(14) bertarikh 2 Jun 2020 juga telah diedarkan yang turut mengandungi panduan kepada Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P.) mengenai pengeluaran EOT kepada kontraktor dalam tempoh PKP.

Sekian, terima kasih.